

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SABAK BERNAM)

TARIKH: 4 OGOS 2017

MUKA SURAT: 47

MDSB ambil langkah proaktif

SUNGAI BESAR - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mengambil langkah proaktif apabila menutup corong plastik kaca sebuah gelongsor yang pecah menggunakan papan lapis yang dicat di taman permainan kanak-kanak, Tonggak 10, di sini.

Setiausahanya, Awaluddin Zakaria berkata, pihaknya juga telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi membaik pulih kerosakan taman permainan itu pada Jun lalu dan sedang menunggu proses kelulusan kewangan.

“Kerja-kerja baik pulih taman permainan kanak-kanak ini, akan diambil alih oleh kami setelah serah tapak Jabatan Landskap Negara kepada MDSB pada 9 Jun lalu,” katanya.

Awaluddin memberitahu, kerosakan taman permainan kanak-kanak di kawasan itu berlaku pada setiap tahun dan kekerapan vandalisme di kawasan itu adalah tinggi.

“Projek menaik taraf Dataran Tonggak 10 diambil alih oleh Jabatan Landskap Negara pada 17 Februari 2017.

“Bagaimanapun, kerja-kerja menaik taraf daratan ini tidak terdapat di dalam spesifikasi kerja untuk membaik pulih kerosakan taman permainan kanak-kanak.

“Ini kerana kerosakan tersebut berlaku selepas lawatan tapak untuk penyediaan spesifikasi kerja dikeluarkan,” katanya.

Sinar Harian 25 Julai lalu melaporkan, pengunjung meluahkan rasa bimbang terhadap aspek keselamatan terutama kanak-kanak yang bermain di taman permainan itu berikutan corong plastik kaca gelongsor itu pecah sejak sekian lama.



Keadaan corong plastik kaca sebuah gelongsor yang pecah dikhuatiri membahayakan keselamatan kanak-kanak.



Corong plastik kaca telah ditutup menggunakan papan lapis yang dicat.